

## KAMSIAH ABDULLAH

# Antara *Buluh* dan *Bubur*: Integrasi Melayu Minoriti dan Cina Majoriti di Singapura dalam Domain Peribadi, Keluarga, Pekerjaan, Sosial, dan Politik

**INTISARI:** Artikel ini membentangkan suatu kajian awal mengenai isu integrasi di antara dua kaum yang terbesar di Singapura, iaitu kaum Cina yang merupakan kaum majoriti dan dominan serta kaum Melayu, kaum asal di rantau ini, yang merupakan kaum minoriti di Singapura. Para sampel kajian ini terdiri dari 88 orang mahasiswa Cina dan Melayu yang belajar di sebuah universiti terkenal. Mereka memberi sambutan kepada satu set soal-selidik berstruktur dan terbuka yang ditubuhkan oleh pengkaji, khusus untuk menarik sambut-jawapan yang bersesuaian dengan tajuk. Data yang menarik dan terpendam telah dapat digali. Respons terhadap soal-selidik telah digunakan sebagai indikator petunjuk bagi darjah integrasi yang tercapai. Berdasarkan analisis data-data empiris tersebut, yang dikumpulkan didalam domain-domain lazim seperti sekitaran peribadi, keluarga, tempat kerja, serta perhubungan sosial dan politik, dapat dilihat sama ada integrasi telahpun berhasil. Konsep "buluh", bukan "mosaik", telah dikemukakan untuk menerangkan jenis integrasi yang diingini oleh kedua-dua masyarakat tersebut.

**KATA KUNCI:** Melayu, integrasi, konsep "buluh", minoriti, majoriti, Singapura, ranah keluarga, pekerjaan, sosial, dan politik.

**ABSTRACT:** "Between Bamboo and Porridge: Integration of Malay Minority and Chinese Majority in Singapore in the Personal, Family, Workplace, Social, and Political Domains". This paper brings to light a preliminary study on the issue of racial integration between two major ethnic groups in Singapore – the Chinese who are the largest and the dominant community and the Malays who are native to the region and the largest minority. The sample in this study consists of 88 Chinese and Malay undergraduates in a reputable university, who responded to a structured and open-ended questionnaire designed by the author to specifically elicit appropriate responses on the topic. Interesting and revealing data was obtained. Following analyses of the empirical data collected on familiar domains, such as the personal, family, workplace, social, and political spheres; the degree of integration as indicated by responses to the questionnaire was used as indicators of whether integration of the two communities had taken place. The concept of "bamboo", instead of "mosaic", was advanced to describe the type of integration desired for the two communities.

**KEY WORD:** Malays, integration, concept of "bamboo", minority, majority, Singapore, family domain, workplace, social, and politics.

## PENDAHULUAN

Apabila memperkatakan "minoriti", yang terbayang dalam fikiran kita ialah suatu kaum atau kumpulan etnik yang kecil

bilangannya, serta dikelilingi oleh kaum yang lebih dominan dan ramai bilangannya. Jika mereka tinggal dalam satu negara yang berbilang bangsa pula, kumpulan sosial ini

---

**About the Author:** Prof. Madya Dr. Hajah Kamsiah binte Haji Abdullah ialah Pensyarah di Jabatan Malay Linguistics, Literature and Arts FASS UBD (Faculty of Arts and Social Sciences, University of Brunei Darussalam), Jalan Tungku Link, Gadong, Brunei Darussalam, BE 1410. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: [kamsiah.abdullah@ubd.edu.bn](mailto:kamsiah.abdullah@ubd.edu.bn)

**How to cite this article?** Abdullah, Kamsiah. (2015). "Antara Buluh dan Bubur: Integrasi Melayu Minoriti dan Cina Majoriti di Singapura dalam Domain Peribadi, Keluarga, Pekerjaan, Sosial, dan Politik" in *SIPATAHOENAN: South-East Asian Journal for Youth, Sports & Health Education*, Vol.1(1) April, pp.69-84. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, APAKSI Bandung, and KEMENPORA RI Jakarta, ISSN 2407-7348. Available online also at: <http://sipatahoenan-journal.com/06-antara-buluh-dan-bubur-integrasi-melayu-minoriti-dan-cina-majoriti-di-singapura/>

**Chronicle of the article:** Accepted (December 14, 2014); Revised (February 15, 2015); and Published (April 21, 2015).

kerap dikaitkan dengan kaum yang lemah berbanding dengan kaum perdananya yang lebih dominan. Retorik yang lazim didengar ialah perlakuan diskriminasi terhadap kaum minoriti. Mereka dianggap sebagai kaum yang tertindas, kaum yang kurang mendapat persamaan hak asasi, jika dibandingkan dengan kaum majoriti.

Kadang-kadang kedengaran juga kegusaran, apabila pertambahan bilangan penduduk dari kumpulan minoriti mula menunjukkan tanda-tanda yang bakal mengubah bentuk demografi sesuatu negara. Misalnya di Texas, Amerika Syarikat, kegusaran terjadi apabila jangkaan populasi menunjukkan bahawa tidak berapa lama lagi kaum minoriti yang berasal dari Mexico atau Sepanyol bakal menggantikan orang-orang berkulit putih sebagai kaum majoritinya.<sup>1</sup> Negara Israel pula amat bimbang jika kaum minoriti Arabnya akan bertambah dengan begitu cepat, sehingga membebankan orang-orang Yahudi yang memiliki hak dan kuasa majoriti di sana.<sup>2</sup>

Perbezaan antara kaum minoriti dan majoriti lebih terserlah apabila mereka bukan sahaja berbeza dari segi bentuk fizikal, seperti warna kulit, tetapi juga dari segi bahasa dan budaya yang dianuti. Situasi akan menjadi lebih kompleks lagi jika kedua-dua kaum majoriti dan minoriti itu mewarisi tradisi dari tamadun yang sama-sama besar dan gemilang pada zaman silam, seperti halnya dengan masyarakat Cina dan Melayu yang tinggal di Singapura.

Pandangan majoriti dan minoriti dalam kalangan orang-orang Melayu dan orang-orang Cina ini amat menarik dibuat kajian. Sejarah hubungan kedua-dua bangsa itu telah mencakupi satu jangka masa yang agak panjang dan berliku-liku, merentasi zaman-zaman penjajahan British semasa dalam entiti politik *Straits Settlement* atau Negeri-negeri Selat, zaman pendudukan

Jepun, zaman berkerajaan sendiri di dalam entiti politik Malaysia, dan akhirnya sebagai satu negara merdeka yang mencapai tahap terpandang dalam liga Dunia Pertama.

### LATAR BELAKANG SEJARAH BANGSA MELAYU DAN CINA DI SINGAPURA

Orang-orang Melayu adalah peribumi yang asalnya telah tinggal di Singapura (atau nama asalnya Temasik) sejak berkurun lamanya, sebelum kedatangan pegawai British, Thomas Stamford Raffles. Selain dari penduduk asal, iaitu orang-orang Melayu, ramai dari orang-orang peribumi dari sekeliling rantau, yang serumpun dengan orang Melayu, telah datang merantau ke pulau ini sejak awal kedatangan British itu. Pada asalnya, orang-orang Melayu adalah penduduk yang terbesar (majoriti) yang taat di bawah kuasa Kerajaan Melayu Riau. Setelah kuasa pulau ini terserah kepada pihak British, akibat dari perjanjian British dengan Sultan Hussein Syah, maka sedikit demi sedikit kuasa orang-orang Melayu menjadi semakin lemah, hingga akhirnya diganti oleh pemerintahan penjajah.

Berikutnya dari itu, bilangan penduduk Melayu kemudiannya menjadi lebih kecil tahun demi tahun, kerana kedatangan orang-orang dari negara Cina secara beramai-ramai, yang tertarik untuk mencari kehidupan yang lebih selamat dan selesa di bawah bendera British. Bilangan yang ramai dan tidak dapat disekat itu, ditambah lagi dengan kedatangan orang-orang dari India pula, maka semakin lama semakin besarlah bilangan kaum pendatang, sehingga melebihi bilangan penduduk Melayu dan orang-orang yang serumpun dengannya. Maka akibat dari perubahan demografi ini, status orang-orang Melayu atau rumpun Melayu telah menurun daripada status majoriti kepada status masyarakat minoriti.

Peristiwa ini berlaku sebelum pertengahan kurun ke-19 lagi, apabila bilangan kaum Cina dan India yang mendatangi Singapura melebihi jumlah perantau Melayu, Bugis, Jawa, dan kaum-kaum rumpun Melayu yang lain. Singapura menjadi sebuah pelabuhan yang makmur

<sup>1</sup>Lihat, umpamanya, *The Ranger*, Monday, on October 12, 2009. Tersedia juga secara online di: <http://www.theranger.org/news/texas-minority-population-to-reach-majority-status-soon> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15 September 2014].

<sup>2</sup>Lihat juga [http://www.en.wikipedia.org/wiki/Arab\\_citizens\\_of\\_Israel#Perceived\\_demographic\\_threat](http://www.en.wikipedia.org/wiki/Arab_citizens_of_Israel#Perceived_demographic_threat) [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 6 September 2014].

**Jadual 1:**  
Peratusan Penduduk Singapura Berdasarkan Bangsa

Bangsa	1970	1980	1990	2000	2010
Cina	77.0	78.3	77.7	76.8	74.1
Melayu	14.8	14.4	14.1	13.9	13.4
India	7.0	6.3	7.1	7.9	9.2
Lain-lain	1.2	1.0	1.1	1.4	3.3

dan maju dalam masa yang singkat di bawah penjajahan British, kemudian sebagai sebahagian dari Negeri-negeri Selat yang juga merangkumi Melaka dan Pulau Pinang. Keadaan hidup bangsa-bangsa di bawah pemerintahan moden, di sebuah kota besar yang menjadi pusat perdagangan terbesar di Asia Tenggara, semakin makmur dan aman setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua (1939-1945).

Selain dari peristiwa "Rusuhan Nadrah" pada bulan Disember 1950 (Khairudin Aljunied, 2009), yang melibatkan kejadian tunjuk perasaan dan rusuhan terhadap Bristih oleh orang-orang Islam dan Melayu, tidak ada peristiwa buruk yang lain berlaku di Singapura. Sebenarnya, tunjuk perasaan itu tercetus akibat dari keputusan Mahkamah oleh Hakim British, yang dirasakan tidak adil dan menindas orang-orang Islam.<sup>3</sup>

Keadaan yang aman damai dengan penduduk Melayu dan Cina meneruskan kehidupan masing-masing dalam kawasan-kawasan perumahan yang tetap, kemudian dikejutkan pula oleh peristiwa rusuhan antara Cina dan Melayu, susulan Peristiwa 13 Mei 1965, semasa Singapura dalam entiti politik Malaysia (Deraman, 1975). Namun ketegangan hidup di antara kaum Melayu dan Cina, menyusuli kejadian yang menyediakan itu, tidak berpanjangan, kerana tindakan bijak pemerintah membanteras perusuh-perusuh dalam mewujudkan semula keamanan negara.

Dalam semua keadaan itu, semasa

Singapura berkerajaan sendiri, merdeka melalui Malaysia dan kemudian merdeka sepenuhnya, orang-orang Melayu tetap kekal sebagai kaum minoriti yang terbesar di negara tersebut (Deraman, 2005). Bilangan warga negara Melayu berlebar dalam sekitar 15% berbanding dengan orang-orang Cina yang melebihi 75%, dan selebihnya kaum India dan lain-lain. Jadual 1 menunjukkan peratusan penduduk Singapura sejak 40 tahun yang lalu.

Statistik baru pada tahun 2009 menunjukkan bahawa jumlah penduduk tetap dan warga negara Singapura ialah 3,733,900 jiwa. Daripada jumlah itu, jumlah orang-orang Melayu ialah 500,100.00 jiwa, iaitu 13.4%; manakala jumlah orang-orang Cina 2,770,300, iaitu 74.2%. Ini bermakna bahawa orang-orang Melayu telah menurun peratusnya kepada 13.4%, iaitu lebih dari 1% menurun dari tahun 1970. Dalam masa yang sama, pada tahun 2010, orang-orang India naik peratusannya dari 7% kepada 9.2%. Ini adalah seajar dengan rancangan umum pemerintah untuk mengelakkanimbangan kadar populasi, di mana orang-orang Cina tidak akan turun ke paras di bawah 70%. Mereka akan sentiasa kekal sebagai kaum majoriti, yang menjadi teras kepada kependudukan Singapura. Masyarakat Melayu pula dianggar akan kekal sebagai masyarakat minoriti yang terbesar. Namun kadar kelebihan bilangan mereka dari kaum India terutamanya, kini semakin menipis.

Dijangkakan jumlah warga negara Melayu akan menjadi semakin mengecil dibanding dengan bukan Melayu, kerana kemasukan pekerja asing dan para profesional atau bakat asing dari negara Cina dan India dengan begitu ramai bilangannya. Jika dikira jumlah penduduk, sama ada yang berstatus penduduk (*resident*) atau pun bukan,

<sup>3</sup>Peristiwa ini tercetus oleh kekalahan seorang perempuan Melayu, Aminah, ibu angkat kepada anak Belanda bernama Nadrah, atau nama sebenarnya Maria Hertogh. Beliau terpaksa menyerahkan semula anak Belanda yang telah memasuki agama Islam dan berkahwin dengan seorang pemuda Islam kepada ibu bapa kandungnya, berbangsa Belanda, yang beragama Kristian. Kajian lanjut, bersabit isu ini, lihat juga Kam-ye Law (2003).

**Jadual 2:**  
Komposisi Etnik Melayu di Singapura dari 1931 – 1990

Kumpulan Etnik Melayu	1931	1947	1957	1970	1980	1990
Jumlah	65,104	113,803	197,059	311,379	351,508	384,338
Melayu	57.5%	61.8%	68.8%	86.1%	89.0%	68.3%
Jawa	24.5%	21.7%	18.3%	7.7%	6.0%	17.2%
Bawean	14.4%	13.5%	11.3%	5.5%	4.1%	11.3%
Bugis	1.2%	0.6%	0.6%	0.2%	0.1%	0.4%
Banjar	0.7%	0.3%	0.2%	0.1%	N.A.	N.A.
Kumpulan Indonesian dll	1.7%	2.1%	0.9%	0.4%	0.8%	2.9%

jumlah semua orang-orang India, termasuk pekerja asing ini, kini telah pun melebihi jumlah bilangan orang-orang Melayu (MCYS Singapore, 2010).

### **Mengenai Kadar Kelahiran Bayi dan Kadar Kesuburan Wanita**

**Melayu.** Bilangan dan dengan itu kadar bangsa Melayu pada masa hadapan tidak akan menjadi lebih tinggi, bukan sahaja kerana faktor luaran atau kemasukan kaum lain ke Singapura, tetapi juga faktor dalaman, iaitu daya bangsa Melayu sendiri menambahkan zuriatnya. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, kadar kesuburan wanita atau TFR (*Total Fertility Rate*) di Singapura adalah di antara yang terendah di dunia, iaitu 1.28 bagi setiap wanita pada tahun 2008, kepada 1.22 pada tahun 2009, dan 1.16 untuk tahun 2010, iaitu kejatuhan yang agak meruncing sekali daripada perangkaan tahun-tahun subur 1960-an, kerana kini kadar kesuburan telah jatuh ke paras di bawah kadar penggantian atau *replacement rate*. Perangkaan ini pula tidak sama rata di kalangan bangsa-bangsa utama di Singapura. Perbezaan ini menyerlah kerana pada suatu masa dahulu, kadar kelahiran bayi-bayi bagi masyarakat Melayu Singapura adalah yang tertinggi di antara semua bangsa di negara tersebut.

Trend terkini menunjukkan bahawa “kadar kesuburan” atau TFR orang-orang Melayu juga semakin menurun sehingga kini telah jatuh dengan banyaknya, dari 2.54 pada tahun 2000, menjunam kepada 2.07 pada tahun 2005 (iaitu di bawah kadar penggantian), dan terus jatuh ke bawah kepada paras 1.94 pada tahun 2007, dan seterusnya mencatatkan TFR 1.91

pada 2008. Terakhir sekali, pada tahun 2009, TFR setiap seorang wanita Melayu turun kepada angka 1.82. Maklumat ini menunjukkan bahawa *social trend* Melayu Singapura khususnya, pada masa hadapan akan berubah dan menggugat, walaupun tidak mengubah imbangan majoriti-minoriti. Untuk perbandingan, pada tahun 2009, kadar kelahiran keseluruhan bagi masyarakat Cina ialah 1.08, sedangkan bagi masyarakat India lebih baik sedikit pada kadar 1.14.

### **Mengenai Asimilasi Kaum-kaum Rumpun Melayu ke dalam Masyarakat Melayu.**

Gambaran yang lebih jelas tentang komposisi masyarakat Melayu sejak sebelum dan selepas 30 tahun merdeka diperturunkan dalam jadual 2. Ia menunjukkan bahawa komposisi orang-orang Melayu terdiri dari beberapa rumpun dari Malaysia dan Indonesia. Yang terbesar ialah kaum Melayu; kedua, orang-orang yang berasal dari Jawa; dan ketiga ialah orang-orang Bawean. Orang-orang Bugis yang besar bilangannya pada masa Singapura baru-baru dibuka telah menjadi sangat kecil, mungkin kerana penyerapan dan asimilasi dengan budaya “Melayu”. Sila lihat jadual 2.

Perkahwinan di antara orang-orang dalam rumpun Melayu mungkin menyebabkan pertalian kekeluargaan dan perpaduan antara sesama Melayu semakin erat. Dalam masyarakat ini, bahasa Melayu telah menjadi alat komunikasi dan penyatu dalam rangka asimilasi kaum-kaum yang beragama Islam dari Nusantara (Abdullah, 2008). Selain dari orang-orang Melayu dari Alam Melayu, seperti orang-orang Jawa, Bugis, Minangkabau, dan Banjar, penggunaan

bahasa Melayu dapat juga menarik orang-orang Islam dari India (Jawi Peranakan) dan mereka yang berketurunan Arab.

*Trend* anjakan berbahasa kepada bahasa dan budaya Melayu, dari masyarakat yang lebih minoriti ke dalam golongan Melayu atau Islam itu, menunjukkan dengan jelas daya-daya asakan sentripetal dari arah sisi ke arah pusat, seperti daya sebuah roda yang berpusing. Dengan lain perkataan, dalam kumpulan minoriti Melayu itu sendiri terdapat kumpulan-kumpulan sub-minoritinya yang tersendiri; dan mereka inilah yang telah, dengan mudahnya, berubah menuju atau mengikut ke arah pusat yang di kala itu adalah masyarakat Melayu jati yang berbahasa Melayu (Deraman, 2000).

Mereka telah berasimilasi dan tak dapat dibezakan dengan masyarakat Melayu Singapura yang lain. Faktor sesama agama dan bersama memahami dan berinteraksi melalui bahasa Melayu yang menjadi bahasa persekolahan dan pergaulan ketika itu jugalah yang telah mempercepat berlakunya proses asimilasi, sehingga ciri-ciri budaya Jawa, Bawean, dan Bugis terhakis dan tidak begitu kelihatan lagi.

Tinjauan kajian lalu di Malaysia memberi petunjuk tentang soal asimilasi dan integrasi kaum Cina dan Melayu, di mana orang-orang Cina di Malaysia adalah kaum minoriti, sementara orang-orang Melayu di Singapura merupakan kaum minoriti. Hanapi Dollah (1986), dalam kajian tentang masyarakat Cina kampong di Kelantan, Malaysia, merumuskan bahawa asimilasi mereka ke dalam masyarakat Melayu Kelantan telah berlaku melalui perubahan organisasi sosial mereka, yang dipengaruhi oleh organisasi sosial atau rumah tangga Melayu. Ini dapat juga diperhatikan dalam ranah agama, di mana walaupun mereka menganut agama Buddha dan sebagainya, tetapi turut serta dalam upacara-upacara keagamaan orang Islam, seperti memberi sedekah, menghormati bomoh, dan sebagainya, sehingga mereka juga turut sama bersembahyang hajat. Dua buah rumah orang Cina Kelantan yang bukan Islam menjemput Imam dan orang-orang

Islam melakukan upacara sembahyang hajat semasa hendak menaiki rumah baru dan memulakan perniagaan mereka (*cf*Kershaw, 1973; dan Dollah, 1986).

Teo Kok Seong, pula dalam kajian yang lebih baru pada tahun 2003, merumuskan bahawa apabila orang-orang Cina Kelantan berasimilasi dengan penduduk Melayu Kelantan yang lebih dominan, timbul dua bentuk perlakuan: (1) perlakuan Melayu sebagai “muka atau pentas depan”; dan (2) perlakuan dan kepercayaan Cina sebagai “muka atau pentas belakang” (Seong, 2003). Dikatakan lebih lanjut bahawa:

“Frontstage” or public behaviour includes speaking Kelantanese Malay, even when among themselves, adopting Malay-style clothing, and observing certain Malay customs and holidays.

“Backstage” or private behaviour includes maintaining certain traditional Chinese beliefs and customs confined only within the home (Seong, 2003).<sup>4</sup>

Satu kajian lebih awal yang dilakukan terhadap masyarakat Cina Baba, dari Hanapi Dollah (1986) yang memetik Chew Hock Thye dan Zahira binti Zainudin, pula menunjukkan bahawa kaum Cina Baba, walaupun telah mengalami proses asimilasi dengan masyarakat Melayu, tidak mahu menyamakan taraf mereka dengan orang Melayu. Mereka lebih suka menyamakan taraf diri mereka dengan orang Barat. Hasil kajian dari seberang itu membawa beberapa persoalan pula tentang soal asimilasi dan integrasi antara kaum Melayu dan Cina di Singapura. Sebelum itu, konsep asimilasi dan integrasi perlu dibincangkan.

#### ***Antara Asimilasi dan Integrasi.***

Di sini konsep *asimilasi* perlu dibezakan dengan konsep *integrasi*. *Asimilasi* lazimnya berlaku apabila suatu kelompok atau budaya bangsa yang lebih kecil atau lebih lemah, iaitu kaum minoriti, diserap ke dalam satu kelompok yang lebih mantap, lebih besar, dan lebih berkuasa (Clammer, 1975; dan Dollah, 1986). Percantuman dan penyatuan ini lebih mudah berlaku di antara suatu kelompok yang kecil atau lemah tadi bersatu

<sup>4</sup>Lihat pula <http://www.kelantandaily.blogspot.com/> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 September 2014].

dengan satu kelompok lain dan menganut identiti yang sama dan yang lebih hebat. Kelompok yang diasimilasikan itu lazimnya kehilangan trait-trait yang membezakan, seperti adat resam, cara berpakaian, cara bertutur, dan gaya berbahasa, setelah mereka bercantum dengan budaya angkat itu; walaupun kadangkala budaya yang lebih dominan itu juga sama-sama berubah dan membuat adaptasi, kerana kehadiran budaya “anak angkat” atau “adik angkat” yang kurang dominan itu. Proses asimilasi begini boleh terjadi secara sukarela, seperti halnya kedatangan para imigran, ataupun secara terpaksa seperti dalam keadaan perhambaan orang-orang berkulit hitam di Amerika.

Keadaan masyarakat majmuk, di mana gejala ini berlaku, dikatakan lazim dilambangkan sebagai “*melting pot*”, yang menimbulkan hanya satu bentuk budaya sahaja. Ini boleh diumpamakan seperti “masakan sekawah” dalam budaya Melayu, atau ebih tepat lagi gejala seperti ini digambarkan sebagai “bubur” (Abdullah, 2008). Dalam “bubur”, budaya berbagai etnik berbaur, sehingga identiti asal setiap kaum akan lebur dan akan wujud pula satu juadah baru yang tidak sama dengan ciri rasa bahan asalnya.

Integrasi pula berbeza dengan *asimilasi*, walaupun kedua-dua proses sosial ini akan melahirkan perpaduan dan kesatuan masyarakat baru. Integrasi dalam masyarakat yang majmuk lebih longgar dari asimilasi. Ia melibatkan akomodasi, adaptasi, perubahan, dan perpaduan yang membawa kepada percantuman, penggabungan, dan kepelbagaian yang tidak terasa perubahannya. Dalam pembauran begini, setiap kaum tetap mengekalkan sebahagian dari ciri-ciri budaya asal masing-masing, bersama-sama menyumbang dan akhirnya melahirkan corak budaya baru yang pelbagai sifatnya, tanpa peleburan besar ciri asal mereka.

Integrasi sosial memerlukan ketaatan kepada undang-undang negara dalam mengamalkan nilai-nilai masyarakat yang sama bersefahaman dan berbahasa yang sama. Hanya sebahagian kecil daripada budaya asal yang tidak selaras dengan nilai-nilai masyarakat yang baru itu yang mungkin

ditinggalkan dan tidak dapat bertahan dalam proses berintegrasi itu.

Gambarannya, yang biasa untuk integrasi atau akulterasi, ialah ibarat kepingan-kepingan *mosaic* yang terdiri dari berbagai rupa petak-petak kecil, yang menyumbang kepada satu corak atau satu awan larat yang lebih besar, berwarna-warni, dan indah. Biasa juga integrasi budaya ini di Barat diumpamakan seperti *salad bowl*, iaitu semangkok salad yang mengekalkan ciri-ciri ramuan sayuran yang ada. Dalam budaya Melayu, gambaran begini mungkin sesuai dinamakan *rojak*, yang mana segala bahan buah dan sayur tetap terasa: rasa timun, sengkuang, nanas, mangga, cili, asam, asin, dan manis akan terasa, jika bahan tersebut digunakan untuk membuat hidangan *rojak* itu. Namun perkataan “rojak” kerap pula mempunyai konotasi negatif, seperti “bahasa rojak”. Kita perlu mencari lambang khusus bagi jenis integrasi antara kaum-kaum utama di Singapura.

## **CORAK INTEGRASI KAUM DI SINGAPURA**

Matlamat perpaduan negara Singapura ialah supaya seluruh warga negara akhirnya akan menjadi bersatu-padu dengan mempunyai identiti kepelbagaian yang tersendiri. Jelas bahawa bagi masyarakat Singapura, jenis identiti yang dihasratkan bagi penduduk yang *multi-racial*, *multi-cultural*, dan *multi-religious* ini ialah integrasi berbentuk *rojak* atau *mosaic*, bukan *melting pot* ataupun *bubur*.

Pimpinan Singapura sedar bahawa tidak mungkin masyarakat yang terdiri dari kaum-kaum yang sangat berbeza dari segi bahasa, budaya, dan agama tidak akan berjaya dibuburkan, iaitu berbaur sebegitu rupa hingga menenggelamkan identiti warisan yang dipegang teguh oleh masing-masing kaum, seperti dalam hal agama, bahasa, dan budaya (Ling, Ser & Cheng, 2002).

Jadi, asimilasi mutlak tidak dihasratkan oleh pemerintah dan rakyat Singapura supaya budaya kaum Melayu minoriti diasimilasikan ke dalam budaya kaum majoriti iaitu masyarakat Cina. Sejarah telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu yang berbudi ini

memang boleh melakukan lebih dari hanya bertolak-ansur, atau dalam hal ini “*extending beyond mere tolerance and fully embraced diversity*” (Ibrahim, 2010). Dengan begitu, kaum Cina yang dominan tidak perlu menarik masyarakat Melayu ke dalam arus asimilasi; justru yang dingini ialah bentuk integrasi kaum dan anjakan menuju kepada kelahiran satu bentuk *identiti ke-Singapura-an* yang lebih mantap, tetapi dengan mengekalkan, bukan meleburkan ciri-ciri akar jati diri (Mauzy & Robert, 2002).

Menurut beberapa kajian yang dilakukan tentang jati diri atau identiti kaum-kaum di Singapura, identiti ke-Singapura-an telahpun wujud (Chin & Vasu, 2007). Kewujudan identiti baru itu telah diper mudah oleh berbagai faktor, terutama dalam dasar-dasar bahasa dalam pendidikan, iaitu pendidikan dwibahasa di mana *bahasa Inggeris* dilaksanakan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar semua subjek dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Faktor-faktor yang tidak kurang pentingnya ialah perkhidmatan negara, *dasar perumahan awam pemerintah*,<sup>5</sup> dasar quota persekolahan,<sup>6</sup> dan GRC (*Group Representative Constituencies*), iaitu Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan, yang agak lebih baru diperkenalkan untuk memudahkan berlakunya integrasi kaum (Abdullah, 2008; dan RPD, 2008).

Dasar pendidikan juga memainkan peranan sebagai kunci bagi jentera pengawal sosial, yang digunakan untuk mencapai matlamat integrasi atau perpaduan kaum yang akan memantapkan keamanan dan kemakmuran negara. Dasar-dasar pendidikan, kegiatan-kegiatan bahasa dan budaya yang begitu marak, menjadi jambatan perpaduan atau integrasi antara kaum di negara Singapura (Abdullah, 2009). Di antara dasar tersebut ialah:

<sup>5</sup>Dalam dasar perumahan *Housing Development Board* (HDB) bagi setiap kawasan terdapat quota-quota pemilikan bagi kaum majoriti (Cina) dan kaum minoriti, termasuk Melayu. Minoriti – 25% dan tidak boleh membeli rumah di kawasan yang sudah terdapat 25% pemilik minoriti. Ini menyebabkan kesukaran menjual flat mereka, kerana pasaran lebih besar dan harga terbuka lebih tinggi di kalangan masyarakat Cina.

<sup>6</sup>Bilangan murid-murid minoriti di sekolah-sekolah pemerintah pada dasarnya tidak harus melebihi 30%.

**Pertama, Dasar Bahasa Inggeris**, sebagai bahasa pertama atau bahasa pengantar semua mata pelajaran bagi semua tingkat pelajaran – untuk semua aliran persekolahan.

**Kedua, Dasar Bahasa Ibunda**, iaitu mewajibkan bahasa Melayu untuk murid-murid Melayu, Mandarin untuk semua murid Cina, dan Tamil untuk murid-murid India. Murid-murid yang bukan Tamil dan mereka dari lain-lain kaum atau anak hasil perkahwinan campur boleh memilih bahasa kedua yang mereka suka.

**Ketiga, Dasar Bahasa Mandarin.** Di sini taraf bahasanya adalah mengikut tradisi dan bahasa tinggi yang digunakan di negara Cina. Pemerintah berusaha mewujudkan satu kumpulan elit bahasa Mandarin yang tinggi, yang mempelajari bahasa Mandarin dan Inggeris di sekolah-sekolah Bantuan Istimewa (SAP). Dialek-dialek Cina yang lain, seperti Hokien, Kantonis, Hakka, dan lain-lain tidak digalakkan penggunaannya.

**Ketiga, Dasar Pendidikan Nasional atau NEP (*National Education Policy*)**, yang diperkenalkan di setiap sekolah untuk memupuk satu bentuk jati diri ke-Singapura-an. Pelajar-pelajar mestilah memahami cabaran unik negara dengan segala hambatan dan jurang-jurang yang boleh menjatuhkannya. Warga negara Singapura haruslah dapat memahami, menghayati, dan bersama-sama mengekalkan *cultural diversity* dan keharmonian kaum.

**Keempat, Penyemaian atau Penerapan Nilai-nilai Murni.** Pelajar juga perlu dipupuk dengan nilai-nilai murni yang datang dari falsafah hidup insan berbudaya, iaitu falsafah ketimuran. Salah satu dari keutamaan dalam mata pelajaran ini ialah mengadakan program dan aktiviti-aktiviti yang akan melebarkan ruang pergaulan dan kemaslahatan antara kaum. Pendidikan Moral diajar untuk menggantikan pelajaran agama, termasuk agama Islam, yang telahpun dikeluarkan dari kurikulum sekolah.<sup>7</sup>

### ***Kajian Kuantitatif tentang Integrasi Bangsa Melayu dan Cina***

<sup>7</sup>Perkara-perkara di atas telah dibincang dalam kertas kerja saya pada tahun 2009, yang bertajuk “Membina Jambatan antara Masyarakat Melayu dan Cina Di Singapura dalam Arus Kebangkitan Negara Cina”.

**di Singapura.** Satu kajian kecil telah saya lakukan untuk mengkaji sejauh manakah integrasi, atau khususnya penerimaan masyarakat Melayu terhadap orang-orang Cina dan sebaliknya penerimaan orang-orang Cina terhadap orang-orang Melayu, dalam empat domain, iaitu: ranah peribadi, keluarga, sosial, pekerjaan, dan kuasa politik.

Kajian yang dilakukan pada bulan April 2009 ini ingin meninjau pandangan dari sampel yang terdiri 88 orang semuanya, iaitu 50 orang Cina, 27 orang Melayu, 3 India, dan selebihnya dari kaum-kaum lain. Di antara 50 orang Cina itu, 15 orang adalah beragama Kristian, 15 orang beragama Budha, sementara 16 orang menyatakan mereka tidak beragama. Semua orang Melayu yang menjadi responden adalah Islam. Alat kajian merupakan soalselidik yang berlandaskan instrumen, yang serupa dengan yang digunakan oleh Yolanda Chin & Norman Vasu (2007). Alat ini direkonstruksi dengan memasukkan skala Likert – 5 skala (Chin & Vasu, 2007).

Soalselidik itu mengandungi 20 butiran asas untuk ras dan 20 butiran asas tentang soal agama. Item-itemnya merupakan gugusan soalan-soalan yang meliputi domain atau ranah sosial, peribadi, dunia pekerjaan, politik, pertahanan awam, dan hubungan majoriti-minoriti. Butiran asas itu kemudiannya telah dikembangkan menjadi 170 butiran, kerana bagi setiap satu soalan dicipta satu yang khusus bagi setiap bangsa (Cina, Melayu, India, dan lain-lain) serta agama (Kristian, Islam, Budha, dan tidak beragama).

Item-item kajian ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial atau SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 17.0. Untuk kertas kerja ini hanya dapatan mengenai bangsa Melayu dan Cina sahaja yang diperturunkan. Dapatkan kajian rintis integrasi kaum Melayu dan bukan Melayu di Singapura adalah sebagai berikut:

**Pertama, Domain Sosial.** Dalam interaksi sosial, indikatornya diwakili oleh butiran soal selidik nombor 1 dan 2 tentang darjah keselesaan dan pergaulan yang wujud

di antara kedua-dua bangsa, iaitu Melayu dan Cina di Singapura. Pertamanya ialah keselesaan untuk menjemput bangsa lain untuk merayakan majlis-majlis tertentu, seperti majlis perkahwinan, hari lahir, dan sebagainya (butiran 1a dan 1b). Keduanya ialah tentang pergaulan anak-anak mereka (butiran 2a dan 2b).

Jawapan yang didapat ialah kedua-dua bangsa, Melayu dan Cina, bersikap sangat positif antara satu sama lain. Responden Cina meletakkan skala 4.62, kemungkinan mereka mengundang bangsa mereka sendiri dan hanya rendah sedikit sahaja, iaitu 4.37, untuk menjemput orang-orang Melayu ke majlis seperti itu. Trend yang sama dilihat dalam data bagi orang-orang Melayu. Namun jika diteliti, kemungkinan responden Cina secara selesa menjemput Melayu (4.08) adalah lebih rendah dari keselesaan responden Melayu menjemput orang Cina. Ini menunjukkan tahap perhubungan integrasi yang baik dalam hubungan kejiranan dan pergaulan umum. Sila lihat jadual 3.

Rangkuman kedua-dua butiran soalselidik tentang bangsa rakan-rakan dan keselesaan menjemput ke majlis ditunjukkan dalam bentuk graf di dalam gambarajah 1.

**Min respons dalam “interaksi sosial”.** Dengan menggabungkan kedua-dua soalan tadi, dapat dikira pula purata darjah penerimaan atau pergaulan keseluruhan di antara orang-orang Cina terhadap Melayu dan sebaliknya orang-orang Melayu terhadap orang-orang Cina dalam domain sosial. Dapatannya diperlihatkan dalam jadual 4.

Bagi responden Cina, mereka lebih selesa berinteraksi dengan bangsa mereka sendiri, begitu juga dengan orang-orang Melayu. Mereka juga selesa berinteraksi antara satu sama lain, mencapai lebih 80% daripada markat maksimum.

Jika dibandingkan darjah keselesaan responden Melayu terhadap Cina dan darjah keselesaan Cina terhadap Melayu pula, ternyata penerimaan responden Melayu lebih positif. Mungkin kerana sebagai kaum minoriti, mereka tentu sangat kerap dan mendapat lebih banyak peluang berinteraksi

**Jadual 3:**  
Tukikan antara Kaum dalam Interaksi Sosial

Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
1a. Selesa menjemput bangsa <b>Cina</b> ke majlis-majlis.	4.62	4.37
1b. Selesa menjemput bangsa <b>Melayu</b> ke majlis-majlis.	4.08	4.73
2a. Tidak keberatan anak mempunyai kawan-kawan <b>Cina</b> .	4.74	4.70
2b. Tidak keberatan anak mempunyai kawan-kawan <b>Melayu</b> .	4.68	4.76

**Jadual 4:**  
Min Skala Interaksi Sosial antara Responden Melayu dan Cina

	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
#Pergaulan dengan orang <b>Cina</b>	4.68	<b>4.54</b>
#Pergaulan dengan orang <b>Melayu</b>	<b>4.38</b>	4.75

dengan orang-orang Cina, tetapi orang-orang Cina pula lebih payah hendak mendapat peluang bergaul dengan orang-orang Melayu.


**Kedua, Domain Peribadi:  
Soal Perkahwinan antara  
Kaum Melayu dan Cina.**

Perkahwinan ialah satu pilihan hidup yang amat peribadi.

Perkahwinan di antara pasangan yang berlainan bangsa berlaku dengan agak kerap tahun demi tahun. Pada tahun 2009, ia merujuk kepada 18% daripada seluruh perkahwinan naik 11% daripada 10 tahun yang lalu.

Kadar perkahwinan *inter-ethnic* tahun 2009 adalah 16% bagi seluruh Singapura berbanding dengan 33% di kalangan orang-orang Islam. Dalam perkahwinan secara Islam ini, perkahwinan di antara pasangan berlainan bangsa, kebanyakannya terjadi di antara pengantin-pengantin Melayu dengan bangsa dalam kategori *others*, iaitu Pakistan, Arab, Eropah, dan lain-lain bukan bangsa Cina. Jumlah perkahwinan *bukan-Islam* pada tahun 2009 ialah 3,474. Dalam kalangan ini, kadar yang terbesar di antara pengantin Cina dengan bangsa lain, iaitu 54 peratus.

Soalselidik telah dibina untuk mengetahui kesedian atau keberatan responden dalam perkahwinan campur. Hasilnya diperlihatkan dalam jadual 5. Didapati benar



**Gambarajah 1:**  
Graf tentang Interaksi Sosial  
antara Responden Melayu dan Cina

seperti statistik nasional, iaitu lebih dari 50% responden menyetujui perkahwinan antara kaum yang berbeza. Skala 2.56 didapati untuk perkahwinan dengan Melayu bagi diri sendiri (responden Cina) di banding dengan skala 3.48 bagi responden Melayu bersetuju berkahwin dengan bangsa Cina. Trend yang sama berlaku untuk perkahwinan adik-beradik dengan bangsa lain. Nampaknya, responden Melayu lebih bersedia berkahwin dengan bangsa lain daripada kesediaan responden Cina berkahwin dengan orang Melayu. Sila lihat pula gambarajah 2.

Rangkuman data perkahwinan diperlihatkan dalam jadual 6. Pada keseluruhannya, didapati bahawa responden Cina kurang bersetuju tentang perkahwinan dengan orang Melayu (2.85)

**Jadual 5:**  
Pandangan Responden Melayu dan Cina terhadap Perkahwinan

Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
3a. Saya tidak keberatan berkahwin dengan bangsa <b>Cina</b> .	4.78	3.48
3b. Saya tidak keberatan berkahwin dengan bangsa <b>Melayu</b> .	2.56	4.65
4a. Tidak keberatan adik-beradik berkahwin dengan bangsa <b>Cina</b> .	4.24	4.03
4b. Tidak keberatan adik-beradik berkahwin dengan bangsa <b>Melayu</b> .	3.14	4.38


**Jadual 6:**  
Rumusan Soalselidik tentang Perkahwinan atau Ikatan Peribadi

Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
# Min Ikatan Peribadi (perkahwinan) dengan orang <b>Cina</b> .	4.51	3.76
# Min Ikatan Peribadi (perkahwinan) dengan orang <b>Melayu</b> .	2.85	4.52
# Min Pergaulan Keseluruhan.	3.68	4.00

daripada responden Melayu yang bersetuju perkahwinan dengan orang-orang Cina (3.76). Pilihan tertinggi masih di antara perkahwinan sesama bangsa sendiri, iaitu responden Cina = 3.68, berbanding dengan responden Melayu = 4.00.

### Ketiga, Ranah

**Pekerjaan.** Dalam domain perkerjaan di Singapura ini amat nyata kekurangan masyarakat Melayu dari segi jenis pekerjaan, pendapatan, dan tingkat pendidikan, yang akan mempengaruhi pendapatan dan jenis pekerjaan, tahap bekerja sendiri, perniagaan, dan sebagainya. Perkara yang menyediakan ialah dari segi pendapatan keluarga. Dua pertiga atau 67% rumah tangga Melayu memperoleh pendapatan lebih rendah dari *national median*, iaitu hanya \$ 3,830. Tentu kebanyakan orang Melayu hidup dalam keadaan kurang mewah dan tidak menikmati kemajuan hidup yang sama dengan kaum-kaun lain kerana hambatan ini. Ramai daripada rumah tangga Melayu mempunyai hanya seorang sahaja yang bekerja, wanita dan suri rumah tangga ramai yang tidak bekerja.



**Gambarajah 2:**  
Pandangan Responden Melayu dan Cina terhadap Perkahwinan

Dari segi perumahan pula hanya segelintir yang tinggal di rumah-rumah binaan swasta, kebanyakannya tinggal di rumah-rumah pangsa satu, dua, atau tiga bilik. Selain daripada itu, ramai di kalangan masyarakat Melayu yang tidak berupaya menyara diri sendiri dan keluarga, kerana dibelit oleh lingkaran masalah sosial yang membelenggu. Berbagai-bagai usaha dijalankan untuk meningkatkan taraf hidup dan taraf pendidikan Melayu, yang menjadi kunci kepada kemajuan mereka pada masa akan datang.

Indikator kepada persoalan ini ditunjukkan melalui dua butiran soalselidik, iaitu mengenai bangsa majikan dan rakan

**Jadual 7:**  
Pandangan Responden dalam Ranah Pekerjaan

Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
5a. Tidak keberatan jika <i>majikan</i> saya berbangsa <b>Cina</b> .	4.30	4.19
5b. Tidak keberatan jika <i>majikan</i> saya berbangsa <b>Melayu</b> .	3.91	4.11
6a. Tidak keberatan jika <i>rakan sekerja</i> saya berbangsa <b>Cina</b> .	4.40	4.30
6b. Tidak keberatan jika <i>rakan sekerja</i> saya berbangsa <b>Melayu</b> .	4.19	4.39
7a. Tidak keberatan jika <i>pekerja (maid)</i> saya berbangsa <b>Cina</b> .	4.24	3.74
7b. Tidak keberatan jika <i>pekerja (maid)</i> saya berbangsa <b>Melayu</b> .	4.02	4.31

**Jadual 8:**  
Rumusan Jawapan Responden dalam Alam Pekerjaan


Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
#Pergaulan dalam Perkerjaan dengan orang <b>Cina</b>	4.31	4.06
#Pergaulan dalam Pekerjaan dengan orang <b>Melayu</b>	4.04	4.27

sekerja, serta pandangan apabila menjadi majikan. Sila lihat jadual 7.

Trend yang dilihat dari keputusan responden ialah masing-masing kaum lebih menyukai mendapat majikan, rakan sekerja, dan pekerja (pembantu) yang sesama bangsa, namun mereka juga tidak keberatan bekerja, menggajikan, dan berkawan dengan bangsa lain. Walau bagaimanapun, responden Cina menunjukkan keberatan bekerja di bawah majikan Melayu (3.91); berbanding dengan responden Melayu mahu bekerja di bawah majikan Cina (4.19). Mereka (orang-orang Cina) bersedia menggaji pembantu Melayu (4.02) daripada responden Melayu yang menghendaki pekerja atau pembantu daripada kalangan orang-orang Cina (3.75). Gambarajah 3 menunjukkan rumusan jawapan responden dalam alam pekerjaan.

Rumusan dapatan ini disimpulkan dalam jadual 8, iaitu pergauluan dalam alam pekerjaan didapati amat positif bagi kedua-dua kumpulan responden Melayu dan Cina.

**Keempat, Ranah Awam.** Dalam domain awam, soal-soal keselamatan amat diambil berat oleh pemerintah dan penduduk



**Gambarajah 3:**  
Rumusan Jawapan Responden dalam Alam Pekerjaan

Singapura. Dalam perkhidmatan polis dan tentera yang cekap dan sentiasa bersedia mempertahankan keamanan negara, semua kaum dilibatkan. Sejak dari umur selepas persekolahan, semua remaja lelaki menjalani perkhidmatan negara, di mana mereka tinggal dalam perkhemahan pelbagai bangsa dan budaya.

Kajian ini ingin melihat, sama ada wujudkah penerimaan masyarakat terhadap pegawai keselamatan yang berlainan bangsa bagi melindungi mereka. Dengan lain perkataan, adakah wujud perasaan percaya-mempercayai di kalangan responden Melayu dan Cina.

**Jadual 9:**  
Pandangan Responden terhadap Pegawai Keselamatan

Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
8a. Tidak keberatan jika <i>polis yang membantu saya berbangsa Cina.</i>	4.40	4.51
8b. Tidak keberatan jika <i>polis yang membantu saya berbangsa Melayu.</i>	4.98	4.50
9a. Saya dapat mempercayai seorang askar <b>Cina melindungi saya.</b>	4.35	4.19
9b. Saya dapat mempercayai jika seorang askar <b>Melayu melindungi saya.</b>	4.10	4.27

**Jadual 10:**  
Keselesaan terhadap Masyarakat Lain dalam Persekutaran Awam


Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
10a. *Saya rasa kurang senang di tempat yang penuh dengan orang-orang <b>Cina.</b>	*1.94	*2.96
10b. *Saya rasa kurang senang di tempat yang penuh dengan orang-orang <b>Melayu.</b>	*2.61	*2.26
11a. *Saya rasa kurang senang jika majoriti penduduk adalah orang-orang <b>Cina.</b>	*1.96	*2.81
11b. *Saya rasa kurang senang jika majoriti penduduk adalah orang-orang <b>Melayu.</b>	*2.85	*2.31

Keputusan analisis menunjukkan bahawa darjah kepercayaan kepada kebolehan pegawai keselamatan untuk membantu, sama ada Melayu ataupun Cina, amat tinggi. Perinciannya dalam jadual 9, dan gambarannya dalam gambarajah 4.

Butiran soalselidik tentang perhubungan dengan masyarakat bangsa lain di dalam sekitaran awam telah ditulis dalam bentuk butiran negatif. Jawapan responden menunjukkan bahawa walaupun sekitaran penuh dengan bangsa lain, responden masih tidak merasa kurang senang. Jawapan mereka di sekitar angka neutral (2.5). Ini benar untuk kedua-dua bangsa responden, iaitu Cina dan Melayu. Sila rujuk jadual 10.

Gambaran yang lebih jelas untuk setiap butiran ditunjukkan dalam gambarajah 5.

#### **Rumusan Pandangan Responden Melayu dan Cina terhadap Masing-masing dalam Ranah Keamanan.**



**Gambarajah 4:**  
Graf Rasa Kepercayaan kepada Pegawai Keselamatan

Dalam membuat rumusan pandangan responden Melayu dan Cina dalam hal-hal berkaitan dengan keamanan ini, mana-mana soalselidik yang berbentuk negatif telah dipositifkan dahulu sebelum membuat penjumlahan. Keputusan yang didapati diperlihatkan dalam jadual 11. Ia menunjukkan bahawa terdapat perasaan saling percaya-mempercayai di kalangan kedua-dua pihak terhadap mereka yang berlainan bangsa.

**Jadual 11:**  
Keselesaan terhadap Masyarakat Lain dalam Persekutaran Awam


Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
Mempercayai orang-orang <b>Cina</b> .	3.71	3.23
Mempercayai orang-orang <b>Melayu</b> .	3.34	3.73

**Jadual 12:**  
Pandangan Responden terhadap Kepemimpinan Negara

Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
12a. Saya akan mengundi wakil rakyat yang berbangsa <b>Cina</b> .	3.85	4.15
12b. Saya akan mengundi wakil rakyat yang berbangsa <b>Melayu</b> .	3.77	4.31
13a. Saya dapat tidak keberatan jika Perdana Menteri Singapura ialah seorang <b>Cina</b> .	4.32	4.37
13b. Saya dapat tidak keberatan jika Perdana Menteri Singapura ialah seorang <b>Melayu</b> .	4.00	4.50
14a. Saya dapat tidak keberatan jika Presiden Singapura ialah seorang <b>Cina</b> .	4.31	4.50
14b. Saya dapat tidak keberatan jika Presiden Singapura ialah seorang orang <b>Melayu</b> .	4.12	4.50

**Kelima, Ranah Politik:**  
**Pandangan terhadap Kepemimpinan Negara.** Setiap negara memerlukan barisan pemimpin yang cekap dan mampu memberi khidmat yang cemerlang kepada masyarakat. Kemajuan yang cemerlang, yang diraih oleh negara Singapura, kerap dikaitkan dengan keupayaan pemimpin yang sangat tinggi, berdedikasi, dan bijak memimpin ke jalan yang sesuai dan terbaik untuk kemaslahatan umum. Maka, selanjutnya dalam kajian ini, butiran dibina untuk meninjau pandangan responden dalam hal perwakilan politik. Bangsa apakah yang mereka percaya sebagai wakil rakyat mereka, sebagai Perdana Menteri mereka, dan sebagai Presiden yang menjadi lambang negara mereka.

Hasil tinjauan ditunjukkan dalam jadual 12 dan gambarajah 6. Hasil dari tinjauan ini memperlihatkan bahawa kesemua responden percaya, mereka tidak mengira bangsa semasa memilih pemimpin, jika ada pilihan memilih pemimpin-pemimpin itu. Responden Melayu sedia mengundi wakil rakyat Cina dan begitu juga sebaliknya.



**Gambarajah 5:**  
Keselesaan terhadap Masyarakat Lain dalam Persekutaran Awam

Rumusan dari pandangan tersebut diperolehi dengan merangkum ketiga-tiga soalan terhadap pimpinan Melayu dan Cina dalam soalselidik. Dapatkan menunjukkan bahawa responden Cina lebih cenderung memilih pemimpin Cina daripada Melayu, begitu pula responden Melayu lebih suka memilih bangsa mereka sendiri. Apabila dibandingkan kedua-dua data ini pula, didapati darjah kepercayaan responden Melayu terhadap pemimpin Cina lebih tinggi dari darjah kepercayaan responden Cina terhadap pemimpin Melayu. Sila rujuk jadual 13.

**Jadual 13:**  
Pandangan Responden terhadap Kepemimpinan Negara


Butiran Soalselidik	Dari Responden Cina	Dari Responden Melayu
Mempercayai pemimpin Cina.	4.12	4.34
Mempercayai pemimpin Melayu.	3.73	4.44

## KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat diraih dari analisis soalselidik ini menunjukkan sikap percaya-mempercayai dan keselesaan di antara responden Melayu dan Cina di Singapura terhadap satu sama lain. Ini berlaku dalam semua domain yang di kaji, iaitu dalam domain peribadi, keluarga, dunia pekerjaan, sekitaran awam, keselamatan negara, dan kepimpinan politik. Faktor bangsa dan agama nampaknya tidak menjadi batu penghalang bagi responden untuk mempunyai sikap yang positif terhadap bangsa lain. Namun, unsur memihak dan melebihkan bangsa sendiri masih tetap wujud di kalangan responden Melayu dan Cina, bahkan semakin menyerlah di kalangan responden Cina. Responden Melayu kelihatan lebih boleh menerima orang-orang Cina sebagai teman hidup, sebagai ipar duai, sebagai majikan dalam dunia pekerjaan, sebagai penjaga keamanan, dan sebagai pemimpin; daripada sebaliknya.

Kesimpulan dari dapatan kajian dalam kalangan mereka yang berpendidikan tinggi ini tidaklah memerlukan dan wajar dilihat sebagai indikasi yang positif tentang perhubungan di antara warganegara Melayu dan Cina di Singapura secara amnya. Proses integrasi telah berlangsung secara bawah sedar, dengan dipermudah oleh sarana-sarana umum yang sengaja diwujudkan dan dibentuk oleh pemerintah.

Tidak kurang penting ialah peranan besar masyarakat Melayu yang rela menerima hakikat minoriti mereka yang lemah, dengan sikap positif dan membina mereka terhadap kaum Cina yang lebih dominan. Kaum Cina pula sedia menerima orang-orang Melayu



**Gambarajah 6:**  
Pandangan Responden terhadap Kepemimpinan Negara

dalam domain-domain penting kehidupan di negara ini, seperti dalam domain pekerjaan, keamanan, bahkan dalam domain politik, walaupun dalam domain peribadi seperti perkahwinan mereka belum begitu dapat menerimanya.

Mungkin ada faktor berkait yang lain, seperti hal agama, yang menjadi faktor tambahan khusus untuk dipertimbangkan. Ranah yang perlu dan ingin dikekalkan ialah perkahwinan sesama bangsa dan agama, dua unsur penting dalam mengekalkan dan membina jati diri. Ini dapat dilihat dari keputusan mengenai ranah peribadi, seperti perkahwinan dan pergaulan sosial.

Besar kemungkinan bahawa orang-orang Cina di Singapura, oleh kerana dalam keadaan dominan, tidak perlu berasimilasi ke dalam budaya Melayu; begitu juga dengan masyarakat Melayu tidak akan mudah berasimilasi dalam budaya masyarakat Cina yang berlainan agama, seperti yang diperlihatkan dalam data mengenai perkahwinan. Memang, pun seperti yang diperkatakan lebih awal, pemerintah Singapura tidak mengharapkan terhasilnya asimilasi, di mana identiti setiap kaum

lebur menjadi “bubur”, bukan juga, saya kira, berintegrasi sebagaimana gambaran “mosaik” seperti yang kerap digambarkan oleh pemerintah Singapura.

Apa yang diinginkan ialah perpaduan atau integrasi yang lebih kuat, teguh, dan utuh mempertahan *jati diri asal*, tidak mudah *hilang* atau *dilenyapkan*. Inilah bentuk “integrasi” *batang-batang buluh*, yang tetap boleh *lentur* – boleh meliok ke kanan, ke kiri, ke depan, atau ke belakang, tetapi ia tidak mudah *patah* atau *dipatahkan*. Kedua-dua masyarakat, sama ada Melayu atau Cina, tidak perlu menampilkan dua bentuk perlakuan yang berbeza: yang satu untuk perlakuan di mata umum (*fontstage*), yang satu lagi tersembunyi dari mata umum (*backstage*), iaitu di dalam rumah.<sup>8</sup>

## Bibliografi

- Abdullah, Kamsiah. (2008). “Bahasa dan Budaya Rumpun Melayu di Singapura: Dari Sejarah Silam hingga ke Asimilasi” *Kertas kerja* dalam Seminar MABBIM [Majelis Ahli Bahasa Brunei, Indonesia, dan Malaysia] di Jakarta, pada tarikh 7-8 April.
- Abdullah, Kamsiah. (2009). “Membina Jambatan antara Masyarakat Melayu dan Cina di Singapura dalam Arus Kebangkitan Negara Cina”. *Kertas kerja* yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu III di Beijing, Cina, pada tarikh 31 Mei.
- Chin, Yolanda & Norman Vasu. (2007). “The Ties that Bind and Blind”. *A Report on Inter-Racial and Inter-Religious Relations in Singapore*. Nanyang: Centre of Excellence for National Security, S. Rajaratnam School of International Studies NTU [Nanyang Technological University].
- Clammer, J.R. (1975). “Overseas Chinese Assimilation and Resignification” dalam *Southeast Asian Journal of Science*, Vol.3, No.2, ms.9-21.
- Deraman, Aziz. (1975). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Malaysia: Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan.
- Deraman, Aziz. (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Deraman, Aziz. (2005). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dollah, Hanapi. (1986). *Asimilasi Budaya*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]. <http://www.kelantandaily.blogspot.com/> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 September 2014].
- [http://www.en.wikipedia.org/wiki/Arab\\_citizens\\_of\\_Israel#Perceived\\_demographic\\_threat](http://www.en.wikipedia.org/wiki/Arab_citizens_of_Israel#Perceived_demographic_threat) [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 6 September 2014].
- Ibrahim, Yaacob. (2010). *Community Leaders' Forum (CLF) Forward Planning Exercise 2010: Introductory Handbook*. Singapore: MCYS [Ministry of Communication, Youth, and Sports].
- Kershaw, R. (1973). “The Chinese in Kelantan, West Malaysia, as Mediators of Political Integration to the Kelantan Thais” dalam *Nanyang Quarterly*, Vol.III, No.3 & 4 [December], ms.1-9.
- Khairudin Aljunied, Syed Muhd. (2009). *Colonialism, Violence, and Muslims in Southeast Asia: The Maria Hertogh Controversy and its Aftermath*. London: Routledge.
- Law, Kam-yeo. (2003). “Civic Disobedience of Malay Muslims in Post-September 11<sup>th</sup> Singapore”. *Paper* presented at the Hawaii International Conference on Social Sciences, 12 – 15 June.
- Ling, Ooi Giok, Tan Ern Ser & Soh Kay Cheng. (2002). *The Study of Ethnicity, National Identity, and Sense of Rootedness in Singapore*. Singapore: IPS [Institute of Policy Studies] Singapore. Available online also at: [http://www.spp.nus.edu.sg/ips/docs/pub/pa\\_oottansoh\\_Ethnicity%20Survey.pdf](http://www.spp.nus.edu.sg/ips/docs/pub/pa_oottansoh_Ethnicity%20Survey.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 Disember 2014].
- Mauzy, Diane K. & Stephen Robert. (2002). *Singapore Politics under the People's Action Party*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- MCYS [Ministry of Communication, Youth, and Sports] Singapore. (2010). *Progress of the Malay Community in Singapore since 1980*. Singapore: Ministry of Communication, Youth, and Sports.
- RPD [Research and Policy Department]. (2008). *Mendaki Policy Digest*. Singapore: Yayasan May.
- Seong, Teo Kok. (2003). *The Peranakan Chinese of Kelantan: A Study of the Culture, Language, and Communication of an Assimilated Group in Malaysia*. Kuala Lumpur: ASEAN Academic Press.
- The Ranger*, Monday, on October 12, 2009. Tersedia juga secara online di: <http://www.theranger.org/news/texas-minority-population-to-reach-majority-status-soon> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15 September 2014].

<sup>8</sup>**Kenyataan:** Dengan ini saya menyatakan bahwa artikel ini adalah dapatan penyelidikan saya persendirian; jadi, ianya bukanlah dapatan daripada amalan plagiarism. Saya juga membuat kenyataan bahawa artikel ini belum dinilai dan tidak dihantar kepada mana-mana jurnal akademik untuk disiarkan. Saya bersedia untuk menerima hukuman secara akademik apabila di kemudian hari, kenyataan yang saya buat ini tidak sesuai dengan hakikat.



**Singapura sebagai Negara Multietnik**  
(Sumber: [www.google.com](http://www.google.com), 11/3/2015)

Besar kemungkinan bahawa orang-orang Cina di Singapura, oleh kerana dalam keadaan dominan, tidak perlu berasimilasi ke dalam budaya Melayu; begitu juga dengan masyarakat Melayu tidak akan mudah berasimilasi dalam budaya masyarakat Cina yang berlainan agama, seperti yang diperlihatkan dalam data mengenai perkahwinan. Memang, pun seperti yang diperkatakan lebih awal, pemerintah Singapura tidak mengharapkan terhasilnya asimilasi, di mana identiti setiap kaum lebur menjadi "bubur", bukan juga, saya kira, berintegrasi sebagaimana gambaran "mosaik" seperti yang kerap digambarkan oleh pemerintah Singapura.